

KEPIMPINAN WANITA DALAM TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA (TUDM)

Nor'Ainee binti Mohd Zaidi
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Email: norainee01@gmail.com

Amnah Saayah binti Ismail
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia,
E-mail: amnah@upnm.edu.my

Nurhana binti Mohamad Rafiuddin
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
E-mail: nurhana@upnm.edu.my

ABSTRAK

Jihad membela Islam adalah tanggungjawab setiap Muslim, dan peranan serta kedudukan adalah sesuai untuk lelaki dan wanita. Penglibatan wanita dalam bidang ketenteraan telah berlaku sejak zaman Nabi Muhammad SAW. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti penglibatan wanita dalam organisasi Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dengan meneliti kepimpinan wanita menurut perspektif Islam dan Barat, meneliti penglibatan wanita yang terlibat sebagai pegawai dan anggota lain-lain pangkat dalam TUDM. Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian kepustakaan dan temu bual. Dapatkan kajian mendapati bahawa wanita dan lelaki kedua-duanya diberikan peluang yang sama untuk menceburi bidang kepimpinan. Selain itu, sejarah penglibatan wanita dalam organisasi TUDM adalah bermula sejak awal tahun 1970-an. Kajian ini menyimpulkan bahawa dalam Islam, tidak terdapat larangan terhadap wanita untuk menceburi bidang ketenteraan, asalkan sesuai dengan prinsip-prinsip syariah dan nilai-nilai moral Islam.

Kata Kunci : kepimpinan, wanita, Tentera Udara DiRaja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia.

1. Pengenalan

Islam sering dikritik oleh masyarakat bukan Islam, khususnya di negara-negara barat, kerana apa yang mereka lihat adalah penindasan terhadap kaum wanita semata-mata. Islam bagaimanapun, langsung tidak menindas kaum wanita kerana sesungguhnya, wanita dijamin dan diberi beberapa hak kebebasan. Wanita memegang status yang sangat unik dan dihormati. Wanita tidak dianggap sebagai makhluk yang lemah atau martabatnya adalah lebih rendah daripada seorang lelaki (Amir, 2021). Menurut Farida (2019), walaupun lelaki dan wanita mempunyai status yang sama dari segi penghormatan, namun, peranan sebagai seorang wanita ditentukan oleh sifat kewanitaannya.

Sejak zaman Nabi Muhammad SAW dan para sahabat pada zaman Khulafa' Ar-Rasyidin sudah terbukti bahawa wanita boleh melibatkan diri dalam organisasi ketenteraan. Hal ini berlaku kerana sejarah sebelum ini telah menonjolkan ramai tokoh wanita yang turut serta dalam perjuangan Islam.

Berjihad dalam mempertahankan agama Islam adalah tanggungjawab setiap muslim bukan sahaja tugas yang perlu digalas oleh kaum lelaki. Peranan dan posisi adalah mengikut kesesuaian bagi kaum lelaki dan wanita. Situasi ini dapat dikaitkan melalui firman yang dinyatakan oleh Allah SWT dalam Surah al-Anfaal, ayat 60:

وَأَعْدُوا لَهُم مَا اسْتَطَعُنَّ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ ثُرْهُونَ بِهِ عَدُوُّ اللَّهِ وَعَدُوُّكُمْ وَآخَرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمْ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ وَمَا تُشْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي نِسَبِ اللَّهِ يُؤْفَى إِلَيْكُمْ وَآنَّمُّ لَا تُظْلَمُونَ

Maksud: *Dan persiapkanlah dengan segala kemampuan dengan kekuatan yang kamu miliki dan daripada pasukan berkuda yang dapat menggentarkan musuh Allah, musuhmu dan orang-orang selain daripada mereka yang kamu tidak ketahuinya; tetapi Allah mengetahuinya. Apa sahaja yang kamu nafkahkan di jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepadamu dan kamu tidak akan dizalimi (dirugikan).*

Pensyariatan kekuatan ketenteraan bagi sesebuah negara adalah bertujuan untuk melindungi kebajikan manusia iaitu memastikan keselamatan dan kestabilan negara terus terpelihara dan kepentingannya dipertahankan demi menjamin keutuhan wilayah, kesinambungan kemakmuran sosio-ekonomi dan kedaulatan negara secara umum. Perkara ini merupakan salah satu faktor kepada pembukaan peluang pekerjaan secara meluas dalam bidang ketenteraan bagi setiap individu yang mempunyai kelayakan dan berminat untuk memberikan komitmen sepenuhnya demi mempertahankan negara daripada sebarang ancaman luar yang boleh menggugat keamanan negara.

2. Metodologi Kajian

Teknik mengumpul maklumat untuk kajian penuh (holistik) menggunakan perkataan dan data yang dikumpul daripada latar dunia sebenar dikenali sebagai penyelidikan kualitatif. Menurut Taylor dan Bogdan (1984), pengkaji cuba memahami subjek dari sudut pandangannya sendiri semasa menjalankan penyelidikan kualitatif. Kajian ini adalah bersifat kualitatif kerana ia memerlukan penyiasatan yang menyeluruh tentang topik dan proses induktif yang menghubungkan anggota tentera wanita dengan idea kepimpinan. Walau bagaimanapun, terdapat pendekatan lain di bawah metodologi ini daripada kaedah kualitatif seperti yang dinyatakan berikut:

2.1 Kaedah Dokumentasi

Kaedah pertama yang digunakan oleh penyelidik untuk memulakan kajian ini ialah kaedah dokumentasi. Kaedah ini adalah bertujuan untuk mengumpulkan data mengenai topik kajian yang dijalankan dengan merujuk bahan bacaan terbuka seperti buku, jurnal dan artikel.

2.2 Kaedah Temu Bual

Kaedah lain yang digunakan oleh penyelidik untuk mendapatkan data bagi kajian ini ialah kaedah temu bual. Sebarang maklumat terkini yang ingin diperolehi mengenai topik yang dikaji, penyelidik mengadakan sesi temu bual bersama individu yang berautoriti seperti pegawai Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) wanita yang sedang berkhidmat di Akademi Latihan Ketenteraan (ALK).

3. Perbincangan

Islam tidak menyokong nasib wanita dengan cara yang sama seperti agama dunia yang lain. Wanita diberikan beberapa hak, terutamanya yang berkaitan dengan kepimpinan. Seiring dengan berlalunya masa, hampir setiap profesi, termasuk dalam tentera, telah menjadi lebih luas dan lebih merangkumi kedua-dua lelaki dan wanita. Oleh itu, penulisan ini adalah untuk mengkaji kepelbagai teori dan pandangan yang dipegang oleh para sarjana semasa mengenai penglibatan wanita dalam ketenteraan yang mempunyai hubungkait dengan kepimpinan sesebuah negara (Anuar Ramli, 2010).

Al-Atiqi K.A (1999) dalam penulisannya yang bertajuk wanita Islam hari ini kerja dan fungsinya menjelaskan mengenai hak-hak wanita muslim menurut pandangan syariah dan pandangan barat. Wanita Islam pada masa kini perlu berdepan dengan pelbagai cabaran yakni bertarung dalam pemikiran yang bergelanjak dalam kalangan masyarakat. Wanita Islam perlu membuat pilihan sendiri sama ada ingin terus kekal berada di dalam rumah ataupun keluar dan terjun ke lapangan untuk

merebut peluang agar wanita-wanita yang bukan beragama Islam tidak mempunyai peluang untuk merampas kedudukan tersebut dengan syarat tetap menjaga iltizam keagamaan. Melalui kajian ini, penulis juga mencadangkan bahawa pihak kerajaan menyediakan suasana dan peluang yang layak secukupnya kepada golongan wanita supaya mereka dapat membantu dalam usaha untuk membangunkan masyarakat Islam.

3.1 Definisi Kepimpinan Ketenteraan

3.1.1 Menurut Perspektif Barat

Menurut Teague (2009), Jeneral Omar Bradley dari *Command and General Staff College* pernah berkata, “*leadership is intangible, and therefore no weapon ever designed can replace it.*” Kefahaman mengenai kepimpinan masih menjadi matlamat hingga ke hari ini. Para sarjana sejarah seperti Warren Bennis, John C. Maxwell dan ramai lagi berusaha untuk memahami sifat dan amalan kepimpinan yang sering diberi tumpuan kepada golongan tentera dan para pemimpinnya. Kajian masih lagi dijalankan walaupun telah wujudnya karya sejarah tokoh-tokoh berpengaruh dalam politik dan agama. Hal ini adalah bagi memahami tentang perkara yang membezakan kepimpinan tentera pada hari ini adalah berdasarkan sudut pandangan dan penyelidikan sejarah semasa.

Berdasarkan penulisan Marshall (1975) yang bertajuk “*Leaders and Leadership*” beliau menyatakan bahawa kepimpinan bukanlah simbol luaran; sebaliknya, ia adalah sifat dalaman. Menurut konsep Marshall, majoriti pemimpin yang berkesan dibentuk oleh orang dan perkara yang berlaku di persekitaran mereka, ia adalah sifat biasa pemimpin yang mahukan pengiktirafan yang ketara dan bekerja keras untuk mendapatkannya.

Menurut Ridgway (1966), kepimpinan pada asasnya adalah seni dan sains. Beliau mengatakan bahawa kecekapan, keberanian, dan watak adalah komponen penting dalam kepimpinan. Membaca biografi dan sejarah, bekerja keras, kekal sederhana, dan menjadi diri sendiri adalah petuanya untuk menjadi pemimpin yang lebih baik. Fakta bahawa Ridgway tidak dapat menentukan tindakan atau peristiwa yang tepat yang membawa kepada kejayaan menjadi bukti mengapa ramai orang terus melihat kepimpinan sebagai satu bentuk seni.

3.1.2 Menurut Perspektif Islam

Pandangan Islam memandang kepimpinan sebagai tanggungjawab yang mesti dilaksanakan. Seorang pemimpin bertanggungjawab mengurus, mentadbir, dan menjaga Amanah yang telah diberikan kepadanya dan mesti dilakukan dengan sebaik mungkin. Melindungi diri daripada melakukan perkara mungkar dan melaksanakan tuntutan syariat serta tugas yang diwakilkan kepadanya dengan baik dan adil adalah antara perkara yang perlu dijaga oleh seorang pemimpin (King, 2009).

Nabi SAW pernah bersabda yang bermaksud:

Setiap daripada kamu adalah pemimpin, dan kamu akan dipertanggungjawabkan kepada orang yang kamu pimpin; seorang pemerintah adalah pemimpin, dan dia akan dipertanggungjawabkan kepada rakyatnya; seorang lelaki adalah ketua keluarganya, dan dia akan dipertanggungjawabkan kepada keluarganya; seorang wanita adalah ketua rumah tangga di mana suaminya tinggal, dan dia akan dipertanggungjawabkan terhadap anak-anaknya dan kepimpinannya; dan Khadam diberi amanah dengan harta tuannya, dan dia akan diminta dipertanggungjawabkan terhadap apa yang ada dalam amanah itu. (Hadith Riwayat al-Bukhari) (Azri, 2022).

3.2 Kedudukan Wanita Dalam Ketenteraan Islam

Penting untuk memahami bahawa Islam sebagai agama mengandungi prinsip-prinsip dan ajaran yang mencakup pelbagai aspek kehidupan, termasuk bidang ketenteraan. Bidang ini sebenarnya berkait secara langsung dengan ketahanan negara dan isu pertahanan negara, sebuah negara yang antara lain mempunyai kekuatan tentera yang kuat dan stabil serta maju dari segi teknologi. Kerana itu, Rasulullah SAW menjadikan pembentukan mekanisme pertahanan atau, dengan kata lain, mewujudkan tentera yang mampu menjadi benteng untuk negara dan umat Islam sebagai salah satu keutamaan baginda semasa mendirikan kerajaan Islam pertama di Madinah (KAGAT, 1992).

Menurut Zainal Zabidi (2020), dalam sejarah Islam, terdapat beberapa tokoh wanita yang memainkan peranan penting dalam bidang ketenteraan. Meskipun peranan mereka tidak sering diceritakan oleh masyarakat, namun keberanian dan penglibatan mereka perlulah diketahui. Tugas dan peranan wanita dalam peperangan pada zaman Rasulullah SAW adalah sebagai pembekal makanan dan minuman, menghulurkan senjata, merawat para tentera Islam yang sakit, dan menjaga serta mengurus tawanan perang. Tokoh yang dapat dikaitkan dalam bidang ketenteraan Islam adalah seperti Nusaybah binti Ka'ab, Sumayyah binti Khayyat, Safiyyah binti Abdul Muthalib, Ummu Sulaim dan ramai lagi (Baihaqi, 2001).

Firman Allah dalam Surah at-Taubah, ayat 71:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمَنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْ لِيَاءُ بَعْضٌ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنُهِيُّنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَقُيَّمُونَ الْصَّلَاةَ وَبُوَثُونَ الْرَّكْوَةَ وَبُطِّيَعُونَ
اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَوْ لَيْكَ سَيِّرْ حَمْمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: *Dan orang-orang yang beriman (lelaki dan perempuan), sebahagian mereka menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahanatan dan mereka mendirikan solat dan mengeluarkan zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.*

Jelaslah daripada firman Allah yang dinyatakan di atas dapat kita lihat bahawa wanita juga mempunyai tanggungjawab (mukallaf) yang sama seperti lelaki. Mereka dituntut untuk menyembah Allah, memelihara agama-Nya, melaksanakan amanat-Nya, menjauhi larangan-Nya, mematuhi batas-batas syara' dan mencegah kemungkaran. Oleh itu, sejak permulaan Islam sehingga kini, wanita telah memainkan peranan penting dalam semua aspek kehidupan.

Menurut Manas (2008), apabila dikaji sejarah Islam terdahulu, hasil kajian telah mendedahkan bahawa wanita Islam pada zaman Rasulullah SAW merupakan penyumbang yang besar. Contohnya, Khadijah binti Khuwailid adalah wanita pertama yang membela perjuangan Rasulullah SAW sama seperti Sumayyah binti Khayyat, ibu kepada Ammar bin Yasir adalah wanita pertama yang mati syahid di jalan Allah. Malah, terdapat juga segelintir wanita Islam yang turut serta dalam peperangan bersama Rasulullah SAW seperti Perang Hunain dan Uhud.

Kesimpulannya, walaupun penekanan dan konteks perspektif Barat dan Islam terhadap kepimpinan dan peranan wanita dalam ketenteraan mungkin berbeza-beza, namun kedua-duanya mengakui peranan dan sumbangan penting yang boleh dimainkan oleh kaum wanita. Keadilan, kesaksamaan, dan hak asasi manusia terus menjadi prinsip penting yang mentakrifkan peranan dan tanggungjawab peribadi termasuk yang berkaitan dengan kepimpinan dan bidang ketenteraan.

3.3 Penubuhan Organisasi Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dianggotai oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), dan Tentera Darat Malaysia (TDM). Ketika mula-mula ditubuhkan oleh Tentera British, ATM dikenali sebagai Angkatan Tentera Persekutuan. Angkatan Tentera Persekutuan menjadi Angkatan Tentera Malaysia pada 16 September 1963, apabila Malaysia ditubuhkan. Pengurusan dan pengendalian ATM telah dipindahkan sepenuhnya oleh British kepada kerajaan Malaysia pada tahun 1967. Sejak itu, penduduk tempatan bertanggungjawab menjalankan ATM sepenuhnya (Kementerian Pertahanan Malaysia, 2021).

Mohd Kenali Basiron (2021) menyatakan bahawa ATM mesti dilihat sebagai pasukan bersatu yang menggabungkan keupayaan Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara untuk berjaya menjalankan operasi terhadap sebarang jenis ancaman luar untuk menjadi angkatan bersenjata konvensional. Pertempuran satu perkhidmatan tidak akan wujud dalam konflik konvensional abad yang akan datang. Pertempuran akan dibentuk oleh usaha kerjasama antara dua atau lebih agensi.

Ordinan Tentera Udara, yang disahkan oleh Parlimen pada hari Isnin, 2 Jun 1958, menandakan permulaan sejarah Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Pada masa penubuhannya, TUDM dikenali sebagai Tentera Udara Diraja Persekutuan (TUDP) (Portal Rasmi Tentera Udara Diraja Malaysia, 2023).

Nama Tentera Udara telah ditukar kepada “Tentera Udara Diraja Malaysia,” atau lebih biasa disingkatkan sebagai TUDM, selepas penubuhan Malaysia pada 16 September 1963. Sebagai angkatan termuda dalam Angkatan Tentera Malaysia, tugas awal bagi pasukan ini adalah untuk menyediakan perkhidmatan komunikasi udara dan membantu pasukan keselamatan dalam operasi menentang komunis yang pada ketika itu mengancam negara (Portal Rasmi Tentera Udara Diraja Malaysia, 2023).

3.4 Sejarah Awal Penglibatan Wanita Dalam Organisasi Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)

Pengambilan pegawai wanita dalam Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) adalah didorong oleh usaha Tentera Darat untuk melakukan perkara yang sama. Wira negara Tan Sri Zainun Sulaiman, juga dikenali sebagai Ibu Zain, mencapai matlamatnya pada 1965 apabila kerajaan Malaysia secara rasmi bersetuju membenarkan wanita menyertai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melalui Angkatan Tentera Wataniah Wanita dan Angkatan Pertahanan Tempatan. Wanita kini mempunyai lebih banyak peluang dan ruang untuk meneruskan kerjaya dalam profesion tradisional yang didominasi lelaki, seperti tentera, hasil daripada perubahan dalam landskap pentadbiran dan kemajuan negara. Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) tidak terkecuali dalam mengiktiraf sumbangan wanita kepada pembangunan pertahanan melalui pengambilan wanita ke dalam tentera melalui Pasukan Simpanan Sukarela (PSSTUDM) (Royal Malaysian Air Force, 2016).

Sejarah TUDM tercipta pada 15 Jun 1972, apabila dua Pegawai Sukarelawati dianugerahkan Tauliah Jangka Pendek selama 3 tahun dalam PSSTUDM, berpangkat Leftenan Muda Udara atau Pilot Officer, setelah mendapat perkenan DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong. Selain itu, Leftenan Muda Tentera Udara Wan Fatimah binti Abdul Latiph, yang dilahirkan di Kota Bahru, Kelantan, menyertai PSSTUDM pada usia 22 tahun di Cawang Urusetia, dan Leftenan Muda Tentera Udara Siti Noor binti Shaik Mohamad, anak kelahiran Pulau Mutiara turut menyertai PSSTUDM pada usia 23 tahun di dalam Cawang Kawal Lalu Lintas Udara (KLLU). Kedua-dua antara mereka telah berjaya menyahut cabaran untuk menyertai TUDM (Royal Malaysian Air Force, 2016).

Menurut Toharudin (2017), Brig. Jen. Dato' Yohanez binti Ahmad TUDM merupakan wanita pertama dinaikkan ke pangkat Brigedier Jeneral TUDM dan dengan menghormati dan menjadikan beliau sebagai wanita pertama memegang jawatan AKS Materiel dalam barisan pengurusan tertinggi TUDM, aspirasi TUDM, seperti yang dinyatakan melalui pelan transformasi Air Force Next Generation (AFNG), telah membuktikan bahawa faktor jantina bukan penghalang. Penghormatan terbesar bagi wanita adalah keputusan yang dibuat oleh pucuk pimpinan TUDM. Seajar dengan jasa dan bakti yang telah dicurahkan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Pahang telah memperkenankan penganugerahan Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP). Penghormatan ini memberikan gelaran Dato' kepada beliau.

Brig. Jen. Dato' Yohanez binti Ahmad dari TUDM akan dikenang di atas semua pencapaian, penghormatan dan kejayaan beliau. Beliau tidak dinafikan telah memberi inspirasi dan mengangkat panglima-panglima muda TUDM yang lain. Pada masa akan datang, beliau berharap dapat melihat lebih ramai pegawai wanita TUDM mencapai tahap kejayaan dan kepimpinan yang sama seperti beliau. Tidak dinafikan, pencapaian Brig. Jen. Dato' Yohanez binti Ahmad TUDM akan terus hidup sebagai sumber inspirasi generasi akan datang dan sebagai bukti kejayaan TUDM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) amnya (Toharudin,2017).

Kesimpulannya, penglibatan wanita dalam bidang ketenteraan adalah langkah progresif yang mempromosikan nilai kesetaraan dan memberikan peluang kepada setiap individu untuk memanfaatkan potensinya. Hal ini tidak hanya menciptakan kepelbagai dan keseimbangan, tetapi juga membantu mewujudkan lingkungan yang lebih adil dan inklusif dalam bidang ketenteraan.

3.5 Penglibatan Wanita Dalam Organisasi Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)

Setiap manusia itu diciptakan oleh Allah SWT mempunyai peranan dan tanggungjawab mengikut keupayaan masing-masing. Tidak kira lelaki maupun wanita masing-masing mempunyai kemahiran tersendiri. Dalam sejarah Islam terdahulu telahpun membuktikan bahawa golongan wanita juga boleh melibatkan diri dalam sektor ketenteraan.

Dalam topik kajian ini, penulis telah menjalankan sesi temu bual bersama dua orang pegawai wanita yang masih berkhidmat dalam organisasi Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) iaitu Mejar Mastura binti Hj. Abdul Majid dan Mejar Siti Zaleha binti Kamaruddin dan seorang anggota lain-lain pangkat (LLP) iaitu PW U I Sharifah Juliana binti Syed Mohd Kazil yang telah pun bersara pada tahun 2020.

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, penulis mendapati bahawa setiap latihan ketenteraan yang dilalui adalah sama antara lelaki dan wanita. Akan tetapi, yang membezakan hanyalah dari segi keupayaan sahaja sebagai contoh sekiranya jarak larian adalah sejauh 2.4 kilometer, maka masa yang diberikan kepada lelaki adalah selama 13 minit manakala bagi wanita pula masa yang diberikan adalah selama 17 minit.

Selain itu, tidak dinafikan bahawa setiap individu itu mempunyai kemahiran masing-masing. Akan tetapi, setiap anggota perlu mempelajari ilmu pengurusan (*administration*) sebagai ilmu asas sebelum diserap masuk mengikut ketukangan masing-masing. Dalam organisasi TUDM ini juga, waktu bekerja adalah sama antara lelaki dan wanita iaitu bagi tempoh 10 tahun yang pertama, mereka perlu berkhidmat dalam sektor operasi terlebih dahulu yakni bekerja mengikut waktu *shift* kemudian dipindahkan kepada bidang pengurusan yakni bekerja mengikut waktu pejabat.

Hasil dapatan temu bual yang dijalankan menyimpulkan bahawa, menjadi seorang pegawai tentera bagi seorang wanita dan seorang ibu merupakan salah satu cabaran yang perlu dihadapi. Menurut Mej Zaleha (2023), setiap individu mempunyai tanggungjawab mereka yang tersendiri. Oleh itu, pengurusan masa amatlah penting untuk mendapatkan keseimbangan dalam sebuah kehidupan. Beliau menguruskan masa antara keluarga dan tugas adalah dengan memberikan keutamaan kepada tugas terlebih dahulu, akan tetapi keperluan keluarga juga tidak diketepikan. Selain itu, menurut Mej Mastura (2023), cara beliau menguruskan masa antara kerjaya dan keluarga adalah dengan hadir ke pejabat lebih awal dari yang sepatutnya. Hal ini bertujuan untuk menyiapkan segala tugas yang diberikan dan menyiapkan tugas-tugas yang tertunggak sekiranya ada supaya beliau tidak perlu untuk bekerja lebih masa (*overtime*) dan dapat pulang ke rumah tepat pada waktu selepas tamat tempoh waktu bekerja. Dengan cara itu, beliau dapat meluangkan masa bersama anak-anaknya tanpa perlu memikirkan tentang tugas-tugas harian dan dapat bersama-sama membantu anaknya menyiapkan kerja rumah (*homework*) yang diberikan oleh gurunya. Pada hujung minggu pula, beliau akan membawa anak-anaknya pergi ke taman permainan. Begitu juga dengan PW U I Sharifah Julianah (2023), yang akan menguruskan segala keperluan anak dan suaminya terlebih dahulu sebelum masuk kerja.

Ringkasnya, setiap individu, tanpa mengira jantina, layak untuk menjadi seorang pemimpin dalam bidang ketenteraan dan memikul tanggungjawab. Keupayaan dan potensi seseorang sebagai pemimpin tidak boleh diukur berdasarkan jantina seseorang, akan tetapi, ia sepatutnya bergantung kepada kemahiran, komitmen, keberanian, dan kecekapan dalam mengendalikan tugas ketenteraan.

3.6 Statistik Data Penglibatan Wanita Dalam Organisasi Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)

Tidak dinafikan bahawa golongan wanita menghadapi cabaran dalam sektor ketenteraan yang didominasi oleh golongan lelaki. Akan tetapi, wanita juga diberi peluang untuk menyandang pangkat yang tinggi dalam organisasi Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Jadual 1: Perjawatan pegawai wanita dalam TUDM bermula Januari 2019 sehingga Oktober 2023 (5 tahun)

PANGKAT	2019	2020	2021	2022	2023
JEN TUDM	-	-	-	-	-
LT JEN TUDM	-	-	-	-	-
MEJ JEN TUDM	-	-	-	-	-
BRIG JEN TUDM	1	1	1	1	1
KOL TUDM	-	-	-	1	1
LT KOL TUDM	6	7	10	15	18
MEJ TUDM	107	101	100	102	99
KAPT TUDM	55	78	103	109	127
LT TUDM	75	78	64	58	50
LT M TUDM	25	21	10	17	10
JUMLAH PEGAWAI WANITA TUDM	269	286	288	303	306

Sumber: Muhammad Nasiruddin bin Mat Amin Kapt TUDM (2023)

Berdasarkan Jadual 1, dapat dilihat bahawa pangkat tertinggi yang disandang oleh wanita adalah Brig Jen TUDM. Hal ini demikian kerana, untuk menyandang pangkat tersebut bukanlah satu perkara yang mudah. Pelbagai rintangan dan cabaran perlu dihadapi serta perlu menepati syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan oleh TUDM. Pegawai wanita pertama yang menyandang pangkat tersebut ialah Brig Jen Dato' Yohanez binti Ahmad TUDM dan beliau telah bersara pada tahun 2017. Kemudian diikuti oleh Brig Jen Hajjah Fadzillah binti Haji Abdullah TUDM yang merupakan pegawai wanita kedua yang menyandang pangkat tersebut bermula tahun 2018 sehingga kini.

Jadual 2: Perjawatan anggota wanita LLP dalam TUDM bermula Januari 2019 sehingga Oktober 2023 (5 tahun)

PANGKAT	2019	2020	2021	2022	2023
PW U I	48	24	17	15	16
PW U II	72	58	35	28	47
FSJN	133	121	110	83	72
SJN U	127	125	114	127	123
KPL U	165	188	207	209	238
LUK	34	26	53	75	45
LU	141	118	136	75	110
JUMLAH ANGGOTA WANITA LLP TUDM	720	660	672	612	651
JUMLAH KESELURUHAN TUDM	989	946	960	915	957

Sumber:Muhammad Nasiruddin bin Mat Amin Kapt TUDM (2023)

Berdasarkan Jadual 2, dalam tempoh 5 tahun ini menunjukkan bahawa penglibatan anggota wanita lain-lain pangkat (LLP) dalam organisasi Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) masih berada di tahap yang minimum. Ini dibuktikan oleh statistik data yang dinyatakan di atas dapat kita lihat bahawa trend penglibatan golongan wanita dalam organisasi TUDM adalah tidak konsisten. Hal ini demikian kerana, kuota penglibatan anggota LLP wanita adalah tidak tetap kerana bergantung pada kekosongan jawatan yang disediakan.

4. Kesimpulan

Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) merupakan organisasi eksklusif yang menjadi tumpuan kajian ini terhadap penyertaan wanita dalam bidang ketenteraan. Kejayaan dalam memahami suatu disiplin ilmu tidak dapat dicapai tanpa usaha yang gigih dalam mencari informasi yang berautoriti. Umat Islam ditekankan untuk menggunakan akal yang diberikan oleh Allah SWT untuk memahami dan menghayati ilmu pengetahuan dengan baik. Dengan memahami dan menghayati sejarah al-Quran, umat Islam diharapkan dapat menjadi benteng yang kuat terhadap kritikan-kritikan negatif yang dilontarkan oleh orientalis atau pihak lain. Selain itu, dapatan kajian penulisan ini juga membincangkan mengenai penglibatan dan peranan wanita dalam organisasi Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Justeru itu, kajian ini diharapkan agar dapat diperluaskan lagi bagi memastikan penglibatan wanita dalam organisasi ketenteraan berada pada tahap yang maksimum.

5. Penghargaan

Kertas kerja ini merakamkan penghargaan kepada pihak Universiti Pertahanan Nasional Malaysia kerana memberi sejumlah pembiayaan untuk geran jangka pendek UPNM/2022/GPJP/SSI/1.

6. Rujukan

Al-Quran & Hadis

(KAGAT), K. A. (1992). *Profesyen Ketenteraan dan Bimbingan Rohani Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Sinaran Bros Sdn.Bhd.

Al-Atiqi, K. A. (1999). *Wanita Islam Hari Ini: Kerja dan Fungsinya*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmi.

Amir, A. N. (2021). *Kepimpinan Wanita Menurut Perspektif Hamka*. Journal of Quranic Sciences and Research.

Azri, D. (2022). *Tanggungjawab Kepimpinan dalam Islam*. Kuala Lumpur: Harian Metro. [Online]: <https://www.hmetro.com.my/addin/2022/02/813171/tanggungjawab-kepimpinan-dalam-islam> (akses pada Disember 2023).

Baihaqi, M. (2001). *Kisah-Kisah Wanita Teladan*. Selangor: Pustaka Ilmi.

Farida. (2019). *Kepimpinan Wanita Dalam Al-Quran*. Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung.

Kementerian Pertahanan Malaysia. (2021). *Pelan Strategik MINDEF 2021-2025*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan Malaysia.

King, W. (2009). *Konsep Kepimpinan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Unit Kualiti Dan Produktiviti Bahagian Pentadbiran Dan Kejuruteraan.

Manas, S. A. (2008). *Apa Kata Islam Mengenai Wanita Berpolitik*. Selangor: PTS Publication & Distributions Sdn. Bhd.

Marshall, G. S. (1975). *Leaders and Leadership*. The Armed Forces Officer Government Printing Office, 47-57.

Mastura (2023). (Mejar TUDM) Ketua Batalion Akademi Latihan Ketenteraan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. Temu bual, 27 Oktober.

Mohd Anuar Ramli, R. A. (2010). *Kepimpinan Perempuan Menurut Perspektif Islam: Satu Sorotan*. Jurnal Pengajian Melayu, 21, 111-119.

Mohd Kenali Basiron, B. J. (2021). *Kepimpinan Ketenteraan Malaysia: Sejarah, Nilai dan Prinsip*. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-6 (PASA9).

Portal Rasmi Tentera Udara Diraja Malaysia. (2023). Kuala Lumpur.

Ridgway, G. M. (1966, Oktober). *Leadership*. Military Review, 40-49.

Royal Malaysian Airforce. (2016). *Pegawai Wanita Dalam TUDM - Aspirasi Inspirasi Apresiasi*. Selangor: Royal Malaysian Airforce Headquarters Ministry of Defence.

Sharifah Juliana binti Syed Mohd Kazil (B) (2023). (PW U I) Juruteknik Avionik. Temu bual. 28 September.

Taylor S., Bogdan R. (1984). *Introduction to qualitative research methods: The search for meanings*. New York: John Wiley.

Teague, S. N. (2009). *Developing Great Leadership*. NCO Journal.

Toharudin Rashid. (2017). *AF 110 Yohanez Ahmad: Pencipta Sejarah Tersendiri*. [Online]: <http://tohairforce1981.blogspot.com/2017/06/af-110-yohanez-ahmad-pencipta-rekod.html> (akses pada Disember 2023).

- Zainal Zabidi, I. I. (2020). *Penglibatan Golongan Wanita dalam Bidang Ketenteraan Cerminan Syariah*. BINTARA International Journal of Civilizational Studies Human Science, 3(3), 34-48.
- Zaleha (2023). (Mejar TUDM) Pegawai Penyelaras Akademi Latihan Ketenteraan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. Temu bual, 31 Oktober.
- Menurut
and